



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

PERINTAH PEMINDAHAN KEPADA KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI DI BAWAH SUBSEKSYEN 57(1A) AKTA KOPERASI 1993

PADA menjalankan kuasa-kuasa Suruhanjaya di bawah subseksyen 57(1A) Akta Koperasi 1993 yang diwakilkan kepada saya di bawah subseksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, saya, **DATUK HJ. MD. YUSOF BIN HJ. SAMSUDIN**, Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan ini menentukan bahawa tiap-tiap koperasi hendaklah memindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutorinya tidak kurang daripada lima belas peratus (15%) daripada untung bersih teraudit bagi tahun kewangan 2011 dan 2012 **kecuali** koperasi yang amaun Kumpulan Wang Rizab Statutorinya adalah 100% atau lebih daripada syer dan yuran.

Dibuat 23 Mac 2011

DATUK HJ. MD. YUSOF BIN HJ. SAMSUDIN
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia